

31/10/2003

Perunding dan pendamai

By Misiah Taib

APABILA Kuda Sejati Menjalankan Misi, Ia Pasti Mencapai Kejayaan Cemerlang' - satu daripada jutaan penghormatan yang pernah diberikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tulisan kaligrafi pepatah Cina itu, yang dibuat dalam bentuk skrol diberikan kepada Perdana Menteri pada Mei tahun lalu, kerana kejayaannya mencipta pelan damai bagi menyelesaikan krisis dalaman terburuk dalam MCA - parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN).

Skrol itu dihadiahkan 200 persatuan Cina seluruh Malaysia sebagai tanda penghargaan terhadap jasa Dr Mahathir menyelamatkan parti yang mewakili kaum itu.

Pelan damai MCA itu adalah salah satu daripada kejayaan formula politik Dr Mahathir dalam memastikan semua parti komponen BN terus kukuh bagi menjamin kemantapan BN secara keseluruhan.

Pelan berkenaan yang dikemukakan oleh Dr Mahathir pada April 2002, antara lain mengekalkan status quo pada semua peringkat dalam MCA sehingga 2005.

Menerusi pelan damai berkenaan, kedua-dua pemimpin teratas MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek, mengundurkan diri, memberi laluan kepada Datuk Seri Ong Ka Ting sebagai Presiden dan Datuk Chan Kong Choy sebagai timbalan.

Namun untuk merungkai satu persatu kejayaan dasar politik Dr Mahathir sepanjang 22 tahun menerajui BN dan Umno, pastinya memakan masa yang cukup lama dan wadah yang teramat panjang.

Apa saja cabaran dilaluinya, bukan saja menyelesaikan kemelut di dalam Umno yang memuncak apabila parti itu dibubarkan pendaftarannya pada Februari 1988, tetapi beliau juga banyak membantu menyelesaikan krisis dalaman parti komponen BN yang lain.

Sifat beliau yang tidak mudah menyerah kalah, tidak tunduk kepada ancaman dan sentiasa berpegang kepada apa yang beliau rasakan benar, meletakkan dirinya pada landasan yang betul untuk menerajui politik negara selama 22 tahun, satu rekod dalam sejarah Malaysia.

Namun dalam ketegasannya beliau sesungguhnya seorang pemimpin yang bersikap pemaaf dan sentiasa memberi peluang kepada sesiapa saja untuk kembali ke pangkal jalan.

Antaranya ialah kesanggupan beliau menerima kembali kesemua ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) termasuk peneraju parti itu, Tengku Razaleigh Hamzah, demi kepentingan Melayu, asalkan mereka sanggup mematuhi perlembagaan parti.

Malah seorang lagi bekas pemimpin S46, Datuk Seri Rais Yatim turut dilantik semula sebagai anggota Kabinet beliau hingga sekarang.

Ketika itu, Perdana Menteri menyatakan dengan tegas bahawa beliau menolak sebarang bentuk kerjasama S46-BN atau S46-Umno kerana berpendapat tidak perlu ada dua parti Melayu dalam BN kerana ia mendedahkan Umno kepada budaya 'lompat-melompat'.

Ini kerana ahli Umno yang tidak berpuas hati dengan pemimpinnya akan melompat kepada S46, manakala ahli S46 yang tidak berpuas hati kepada pemimpinnya akan melompat kepada Umno.

Perdana Menteri mahu S46 dibubarkan dan semua ahlinya menyertai Umno yang disambut baik oleh majoriti ahli S46 sendiri.

Keikhlasan Dr Mahathir ini jelas membuktikan betapa beliau mengamalkan prinsip 'cakap serupa bikin' apabila sanggup mengetepikan kepentingan diri dan pertelagahan dalam parti, semata-mata untuk menyatukan Melayu.

Cara kepemimpinan beliau berjaya menjamin kestabilan politik dan ekonomi yang kukuh, sehingga Malaysia turut dikagumi pemimpin lain di seluruh dunia.

Beliau pernah menghadapi saat paling menggemparkan seluruh kaum Melayu, apabila pendaftaran Umno dibatalkan oleh mahkamah pada 4 Februari 1988.

Ini berikutan permohonan sekumpulan ahli yang tidak puas hati dengan keputusan pemilihan parti pada 24 April 1987 supaya perhimpunan agung berkenaan diisytiharkan tidak sah.

Alhamdulillah, pada 13 Februari 1988, Umno didaftarkan semula dengan Dr Mahathir sebagai Presidennya, yang juga Pengerusi BN.

Sejak itu, dalam setiap perhimpunan parti dan setiap kali berdepan dengan ahli parti, baik Umno, mahupun anggota komponen BN yang lain, peringatan utama yang beliau berikan ialah supaya menjaga perpaduan dan keutuhan parti.

Satu lagi peringatan biasa beliau ialah supaya ahli parti mengetepikan apa juga pertelagahan dan meletakkan perjuangan parti sebagai keutamaan.

Apa pun, untuk mengukur pencapaian Dr Mahathir dalam politik berdasarkan kepemimpinannya dalam parti selama 22 tahun sesungguhnya kurang tepat kerana Dr Mahathir sebenarnya sudah aktif dalam politik sejak 1945 lagi.

Beliau pernah menyertai pelbagai pertubuhan termasuk Kesatuan Melayu Kedah, Saberkas dan Kesatuan Melayu Kedah sebelum menjadi ahli Umno sebaik parti itu ditubuhkan pada 1946.

Dr Mahathir yang menjadi Ahli Majlis Tertinggi Umno antara 1965 hingga 1969 juga pernah disingkirkan dari parti pada 26 September 1969. Namun pada 7 Mac 1972, beliau diterima semula sebagai ahli Umno.

Pada 25 Jun 1972 beliau mendapat undi tertinggi bagi jawatan ahli Majlis Tertinggi tetapi kalah dalam pemilihan bagi jawatan Naib Presiden.

Beliau yang pernah dilantik sebagai Senator di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada 30 Disember 1972 dan Senator pada 1973 hingga 1974, memenangi jawatan Naib Presiden Umno pada 21 Jun 1975.

Dr Mahathir menjadi Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Umno Melaka pada 1977 dan Pengerusi Jawatankuasa Umno Perak pada 1978 hingga 1981.

Pada 1978 beliau menjadi Timbalan Presiden Umno dan pada 26 Jun 1981, beliau menjadi Presiden Umno yang kelima.

Hari ini Umno sudah berusia 57 tahun dan Dr Mahathir berjaya meneruskan tradisi memastikan peralihan kuasa berjalan lancar dengan memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Umno sesungguhnya mencatat sejarah sebagai sebuah organisasi yang mampu bertahan sehingga setengah abad dan Dr Mahathir sendiri meninggalkan parti dalam keadaan cukup mantap.

Sejarah politik negara antara 1981 hingga Oktober 2003 menyaksikan Dr Mahathir meneruskan konsep kongsi kuasa untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, satu Malaysia yang lebih maju dan lebih berjaya.

* Saya berpendapat Dr Mahathir adalah Perdana Menteri terbaik kita setakat ini. Pada usia 78 tahun, beliau masih bertenaga dan mempunyai kesihatan yang baik. Beliau adalah seorang penyayang, berdedikasi, mudah didekati, berkarisma dan yang paling saya kagumi adalah kebijaksanaan serta kelantangan beliau mempertahankan maruah negara

Pengurus Pemasaran, Wendy Wong

* Perdana Menteri kita, Dr Mahathir adalah pemimpin yang sangat komited dengan tugasnya dan mempunyai pelbagai kebolehan. Beliau bukan saja

berjaya menguruskan negara kita ini dengan baik hingga dikenali pada peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama dapat memastikan kesihatan dan kebajikan penduduk negara ini tidak terabai.

Pengurus Jenama, Michael JH Ooi

* Dengan kebijaksanaan dan wawasan yang jitu, Dr Mahathir berjaya menjadikan Malaysia maju dan penduduknya hidup aman. Terima kasih Perdana Menteri di atas segala jasa yang diberikan dan semoga Dr Mahathir dan keluarga dianugerahkan kesihatan yang baik.

Pegawai Perhubungan Awam, Song Yoke Ling

(END)